

BAB 1

# PROFIL UNIVERSITI





## LOGO UniMAP



**UniMAP**

# UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

### JUSTIFIKASI LOGO

Bentuk separa-oval dikaitkan dengan elemen unsur sains dan teknologi, atom, orbit dan globalisasi. Empat belas bulatan kuning kecil di dalam segitiga sama melambangkan 14 buah negeri di Malaysia. Titik-titik berpadu ke pelbagai arah, khususnya ke utara, dalam posisi menyahut wawasan, mendepani pelbagai situasi dan cabaran.

Tiga lapisan perak yang bertanda arah mewakili nilai teras UniMAP iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN. Lapisan itu juga memaparkan aspek keseimbangan antara alam dengan kejuruteraan, kedinamikan dan ketenagaan.

### WARNA

Warna BIRU, KUNING dan PERAK adalah warna korporat UniMAP.

- Biru membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.
- Perak mencerminkan teknologi tinggi, keperkasaan dan keikhlasan.
- Kuning melambangkan kecemerlangan, kedaulatan, kejayaan dan hayat kehidupan.



### JUSTIFIKASI LOGOTAIP UniMAP

UniMAP [u+nimap] adalah singkatan bagi Universiti Malaysia Perlis. Penggunaan warna biru untuk huruf "U" dan "MAP" merupakan warna asas universiti yang membawa maksud alam, harmoni, disiplin dan bidang kejuruteraan.



Huruf "ni" dalam bentuk artistik berwarna kuning dengan garis bentuk berwarna biru menjadi pengantara huruf "U" dan "MAP" membawa maksud Nilai Insan dan "Soft Skills".

Segi tiga warna perak di penjuru atas huruf U, M dan P membawa maksud tiga nilai teras UniMAP yang menjadi tonggak universiti iaitu ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN.





## OBJEKTIF

**PELAJAR:** Untuk membangunkan pemimpin masa depan yang holistik melalui pendidikan menyeluruh yang mempraktikkan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

**RANGKAIAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA / MTUN:** Untuk memainkan peranan dalam pengajian tinggi TVET demi pembangunan industri negara.

**KOMUNITI:** Untuk menjadi pemangkin perkongsian ilmu dan teknologi dengan masyarakat.

**FAKULTI DAN STAF:** Untuk menyediakan persekitaran yang memberdayakan pembangunan intelektual dan profesional.

**PENYELIDIKAN:** Untuk menjana ilmu baharu melalui usaha penyelidikan yang strategik bagi manfaat manusia.

**BUDAYA KAMPUS:** Untuk membangunkan persekitaran intelektual yang kondusif bagi perkongsian ilmu, pandangan, budaya serta idea dalam usaha mencapai kemampanan.

**PEMBANGUNAN BANGSA:** Untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkaya budaya Malaysia.

## MATLAMAT & FALSAFAH

Program kejuruteraan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempunyai matlamat untuk menghasilkan graduan kejuruteraan yang berkelayakan dalam pelbagai bidang strategik yang berupaya mencari penyelesaian kepada pelbagai bentuk masalah menerusi pemikiran yang inovatif. Kursus kejuruteraan yang dijalankan di universiti pada dasarnya menitikberatkan kepada *lab-intensive* dengan memberi lebih penekanan kepada amali. Kursus-kursus yang ditawarkan menyatakan teori dengan amali mengikut keperluan industri. Semasa mengikuti kursus, pelajar juga akan dibekalkan dengan kemahiran pengurusan, perakaunan, keusahawanan, kemahiran berkomunikasi, kurikulum dan pembangunan sahsiah. Ini bertujuan untuk melahirkan jurutera dan pembantu jurutera yang bukan sahaja cekap dalam bidang bertenologi tinggi yang mereka ikuti, tetapi juga berkebolehan untuk berdikari dan mempunyai sifat mulia dan terpuji.



## SEKILAS PANDANG

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah diluluskan penubuhannya oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2001. Pada 1 April 2002, Universiti Awam ke -17 ini mula beroperasi di bangunan Yayasan Pok & Kassim, Kubang Gajah, Arau, Perlis. Naib Canselornya yang pertama, Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin telah dilantik pada 16 Februari 2002. Setelah lima tahun bertapak di bumi Perlis, universiti ini telah dijenamakan semula daripada KUKUM kepada UniMAP pada 1 Februari 2007. Sebagai sebuah universiti yang bertapak di alaf baru dan beroperasi di beberapa lokasi sementara, UniMAP berbangga dengan kewujudan kampus tetapnya yang tersergam indah di Pauh Putra serta di Sungai Chuchuh.

Lebih membanggakan lagi apabila kampus tetap di Pauh Putra itu telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Perdana Menteri Malaysia yang ke-6, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 3 Mac 2013. YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa kewujudan UniMAP, sebuah universiti berteraskan kejuruteraan di negeri Perlis telah berjaya melonjakkan pembangunan dalam pelbagai aspek di negeri ini dan boleh diibaratkan sebagai nadi pembangunan negara.

UniMAP memulakan pengambilan sulung pelajarnya pada 20 Jun 2002 dengan jumlah pelajar 116 orang. Kini UniMAP telah mempunyai seramai 12,797 pelajar, iaitu terdiri daripada 9,756 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda, 1,557 pelajar Program Diploma dan 1,484 pelajar Program Pascasiswazah. Untuk melaksanakan tanggungjawabnya, UniMAP memiliki 2,076 staf, iaitu terdiri daripada 1,098 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Akademik), 210 staf Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (Pentadbiran) dan 768 staf Kumpulan Pelaksana.

Pada masa ini, UniMAP menawarkan enam (6) Program Diploma Kejuruteraan, 14 Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, 13 Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi

Kejuruteraan, enam (6) Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi, dua (2) Program Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dan satu (1) Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu. Di samping itu, UniMAP turut menawarkan pelbagai program pascasiswazah dengan 38 bidang penyelidikan untuk program Doktor Falsafah dan Sarjana Sains Mod Penyelidikan, manakala terdapat enam (6) program pengajian Sarjana Sains Mod Campuran, satu (1) program pengajian Sarjana Pentadbiran Pengajian Mod Kerja Kursus dan 38 bidang pengajian peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Setelah melebihi 18 tahun penubuhannya, UniMAP telah melaksanakan penstrukturkan semula berkuat kuasa mulai 2 Mac 2020, selari dengan hasrat universiti untuk memantapkan lagi sistem pengurusan dan pentadbiran universiti ke arah hala tuju pengajian tinggi dalam memperkasakan bidang latihan teknikal dan vokasional atau TVET di Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Penstrukturkan organisasi yang baharu ini dilakukan secara berperingkat dan melibatkan penjenamaan semula pusat-pusat tanggungjawab di UniMAP serta telah selesai sepenuhnya pada Disember 2020. Pelaksanaan secara berperingkat ini adalah bertujuan untuk melancarkan sistem operasi harian universiti di samping menangani cabaran pandemik COVID-19 di seluruh dunia.

Secara umumnya, UniMAP merupakan universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan dan teknologi. Atas dasar itu, kurikulum pengajian yang ditawarkan di universiti ini adalah sentiasa relevan dengan keperluan industri. Sejajar dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (Industry4WRD) yang kini menjadi satu tamadun terkini seluruh dunia, UniMAP turut menyatakan komitmen untuk mengadaptasi dan mengadoptasi budaya ini supaya peranan universiti terus relevan malah wajar menjadi pemimpin kepada produk dan perkhidmatan yang berdasarkan Industry4WRD ini.





# CANSELOR

DULI YANG TERAMAT MULIA  
TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI  
TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL

D.K., S.P.M.P., P.A.T.

Doctor of Education (Honoris Causa), La Trobe  
University Melbourne, Australia  
Honorary Doctorate in Management Sciences,  
Yala Rajabhat University, Thailand

**RAJA MUDA PERLIS**

DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah diputerakan pada tanggal 30 Disember 1967, hasil ikatan kasih sayang antara DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis dan DYMM Tuanku Tengku Fauziah binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis. Baginda merupakan putera sulung bagi pasangan DiRaja itu. Baginda memulakan alam persekolahan peringkat rendah pada tahun 1974 di Sekolah Rendah Kebangsaan Putra, Kangar, Perlis dan peringkat menengah pada tahun 1980 di Sekolah Menengah Derma, Kangar, Perlis dan seterusnya menyambung pengajian di Sekolah Menengah Penang Free School, Pulau Pinang pada tahun 1983. Baginda kemudiannya berangkat ke Melbourne, Australia pada tahun 1984 untuk melanjutkan pelajaran di Carey Grammar School, Kew dengan memasuki tingkatan lima dan kemudian mengikuti pengajian matrikulasi sehingga tahun 1985.

Baginda kemudiannya melanjutkan pengajian di La Trobe University, Bundoora, Melbourne. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (B.Ec.) pada tahun 1989. Dalam tahun 2002, Baginda diiktiraf dengan La Trobe Medal, iaitu gelaran penghormatan tertinggi bagi universiti tersebut. Baginda adalah penerima kedua anugerah tersebut, selepas Presiden negara Greece. Bermula tahun 1990 hingga 1998, Baginda menjawat pelbagai jawatan bersama Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di mana jawatan terakhir sebagai Pengurus kawasan bagi Switzerland, Austria dan Eropah Tengah.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mendirikan rumah tangga dengan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil pada 9 Mei 1994 dan dikurniakan dua orang puteri dan seorang putera, Yang Amat Mulia Sharifah Khatreena Nuraniah, Yang Amat Mulia Sharifah Farah Adriana dan Yang Amat Mulia Syed Sirajuddin Areeb Putra. Baginda telah dianugerahkan darjah kebesaran Seri Paduka

Mahkota Perlis (S.P.M.P.) sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis pada tahun 1998. Pada tahun 2000 pula, Baginda dianugerahkan gelaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis dan Baginda memainkan peranan dan fungsi rasmi sebagai Raja Muda selepas perisytiharan rasmi dilangsungkan pada 12 Oktober 2000. Baginda telah dilantik sebagai Pemangku Raja Perlis pada 12 Disember 2001 untuk tempoh lima tahun apabila DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong ke - 12. Pada tarikh tersebut juga baginda dikurniakan Bintang kebesaran Darjah Kerabat Perlis (D.K.). Dengan perlantikan tersebut, Pada 1 September 2003, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah dilantik sebagai Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang pertama.

Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merupakan seorang peminat bola sepak. Semasa zaman persekolahan, Baginda turut mewakili pasukan negeri dalam kejohanan bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Baginda juga merupakan peminat setia pasukan Manchester United. Pada masa kini, Baginda juga merupakan peneraju Rejimen 504 Askar Wataniah sebagai Komander berpangkat Brigedier Jeneral. Baginda juga merupakan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Presiden Kelab Golf Putra Perlis. Baginda juga adalah penaung bagi Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM), Persatuan Bulan Sabit Merah Cawangan Perlis, Malaysia Chefs Association, Projek Bola Sepak Ken Barnes Soccer Skills SeMalaysia, Persatuan Boling Padang Perlis, serta Pertubuhan Jemaah Dato'- Dato' Perlis. Selain itu, Baginda juga telah dilantik sebagai Pengurus Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP), sebuah institusi kebajikan yang banyak mengambil berat terhadap kemajuan pendidikan dan peningkatan taraf hidup rakyat. Sebagai seorang anak Raja yang berjiwa rakyat Baginda amat dikesihi oleh setiap lapisan masyarakat di Negeri Perlis ini.



# PRO CANSELOR

DULI YANG TERAMAT MULIA  
TUANKU HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH  
KHALIL

S.P.M.P.

Honoris Causa in Health Sciences  
Universidad Nacional Pedro Henriquez Ureña. DR.  
**RAJA PUAN MUDA PERLIS**

DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah dilantik sebagai Pro Canselor UniMAP pada 13 Mac 2009. Penyerahan watikah pelantikan Pro Canselor ini telah disempurnakan oleh DYTM Tuanku Canselor di Istana Arau pada 28 Jun 2009.

Baginda diputerikan di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1970 dan merupakan puteri kedua daripada empat orang anak perempuan Dato' Haji Khalil Akashah dan Datin Hajah Nik Rahimah Wan Ahmad. Baginda merupakan bekas pelajar Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur mulai tahun 1977 hingga 1984. Baginda seterusnya meneruskan pelajaran di Melbourne, Australia, selama lapan tahun. Ketika di Australia, Baginda mulanya menuntut di Merton Hall - Melbourne Girls Grammar School, dan kemudiannya di La Trobe University yang menganugerahi Baginda Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Kemanusiaan pada tahun 1992.

Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mempunyai pelbagai minat dan bakat. Selain membaca, melukis dan berseni. Baginda meminati sukan luncur ais, jet ski dan berenang. Baginda pernah juga mengikuti kursus asas Bahasa Mandarin, Perancis, Sepanyol dan Jerman. Sehingga tahun 1995, Baginda memegang jawatan sebagai Pengurus Pentadbiran ASIE Sdn. Bhd. Tetapi mengambil keputusan meletakkan jawatan apabila mula mengiringi Tuanku

Syed Faizuddin Putra Jamalullail berangkat menjalankan tugas Baginda di luar negara. Hampir tiga (3) tahun di Madrid, Sepanyol dan empat (4) tahun di Zurich, Switzerland.

Pada 1 Ogos 2002, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dikurniai gelaran rasmi Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis apabila Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail diistiharkan sebagai Raja Muda Perlis. Baginda dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (SPMP) yang membawa gelaran 'Dato Seri' pada 17 Mei 2002.

Baginda merupakan Penaung bagi Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Cawangan Perlis, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Wanita (DEWANITA) Cawangan Perlis, Smart Reader Worldwide di samping menjadi Pengurus Persatuan Alumni La Trobe University Malaysia (PALTUM) serta dilantik sebagai Pengurus Yayasan Tuanku Fauziah (YTF) dan terkini baginda ditauliah sebagai Mejar Kehormat dalam Rejimen Askar Wataniah.

Sebagai Pro Canselor, Baginda amat prihatin dalam apa juar yang melibatkan Universiti ini baik dari segi akademik, penyelidikan mahu pun aktiviti pelajar. Baginda sering berangkat mengiringi DYTM Tuanku Canselor ke pelbagai program dan aktiviti rasmi UniMAP.



# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

## Pengerusi

- ① **YM. Raja Dato' Azwane Raja Ariff**

## Ahli

- ② **YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**  
(Naib Canselor)

- ③ **YBhg. Dato' Shaharuddin Abu Sohot**  
(mulai 1 Jun 2020)

- ④ **YBrs. Encik Md. Farishzan Ismail**

- ⑤ **YBrs. Encik. Ridzuan Ishak**

- ⑥ **YBhg. Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar**  
(mulai 1 Disember 2020)

- ⑦ **YBhg. Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman**

- ⑧ **YBrs. Encik Zainal Azni Zulkifli**  
(mulai 1 Mei 2020)

- ⑨ **YBrs. Puan Norleza Abu Bakar**  
(mulai 1 Mei 2020)

- ⑩ **YBhg. Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim Yaakub**  
(mulai 28 Disember 2020)

## Ahli Silih Ganti KPT

- ⑪ **YBrs. Encik Megat Azlani Megat Ramli**  
(mulai 1 Jun 2020)

## Setiausaha

- ⑫ **YBrs. Tuan Hj. Mohd Saad Din**  
(Pendaftar)



## PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI

- ① YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**  
Naib Canselor
- ② YBhg. Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Rizal Arshad**  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)
- ③ YBhg. Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- ④ YBhg. Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah**  
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)  
(Pelantikan bermula 15 April 2020)
- ⑤ YBrs. Tn. Hj. Mohd Saad Din**  
Pendaftar
- ⑥ YBrs. En. Rusdi Puteh**  
Bendahari  
(Pelantikan bermula 25 Ogos 2020)
- ⑦ YBrs. Pn. Mazmin Mat Akhir**  
Ketua Pustakawan
- ⑧ YBrs. Dr. Hirwan Jasbir Jaafar**  
Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-Undang  
(Pelantikan bermula 26 November 2020)

# AHLI SENAT

## PENGURUSI

1. **Prof. Ir. Ts. Dr. R Badlishah Ahmad**  
Naib Canselor

## TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR

2. **Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Rizal Arshad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. **Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
4. **Prof. Ts. Dr. Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah**  
Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

## DEKAN FAKULTI / PENGARAH INSTITUT

5. **Prof. Madya Ts. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
6. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal
7. **Prof. Madya Dr. Haziah Abd. Hamid**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik
8. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia
9. **Dr. Afizah Ayob**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam
10. **Prof. Madya Ku Halim Ku Ariffin**  
Dekan Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan
11. **Prof. Ir. Ts. Dr. Abu Hassan Abdullah**  
Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari

## PROFESOR

12. **Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj Din**  
Profesor, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan  
(Penolong Naib Canselor, Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat)
13. **Prof. Dr. Harshita Aini Haroon**  
Profesor, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan  
(Penolong Naib Canselor, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti)
14. **Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar**  
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik  
(Ketua Pegawai Digital, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital)
15. **Prof. Dr. Salleh Abd Rashid**  
Profesor, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan  
(Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari)
16. **Prof. Dato' Dr. Ali Yeon Md Shakaff**  
Profesor, Institut Agroteknologi Lestari
17. **Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid**  
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
18. **Prof. Dr. Abdul Hamid Adom**  
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik
19. **Prof. Dr. Mohd Yusoff Mashor**  
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
20. **Prof. Dr. Prabakaran a/I Poopalan**  
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik
21. **Prof. Ir. Ts. Dr. Rezuwan Hj. Kamaruddin**  
Profesor, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia
22. **Prof. Ts. Dr. Uda Hashim**  
Profesor, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik  
(Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik)

**DI KO-OPT**

- 
- 23. **Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Daud**  
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
  - 24. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad**  
Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah
  - 25. **Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Hamidin**  
Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan
  - 26. **Saudari Syahirunnisa Ramli**  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
  - 27. **Saudara Mohd Firza Ahmad Fauzi**  
Naib Yang Dipertua 1 Majlis Perwakilan Pelajar

**EX-OFFICIO**

- 
- 28. **En. Rusdi Puteh**  
Bendahari
  - 29. **Pn. Mazmin Mat Akhir**  
Ketua Pustakawan
  - 30. **Dr. Hirwan Jasbir Jaafar**  
Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-Undang

**SETIAUSAHA**

- 
- 31. **Tn. Hj. Mohd Saad Din**  
Pendaftar

Mantan Ahli Senat 2020

- 1. **Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh**  
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Sehingga 14 September 2020)
- 2. **Prof. Madya Dr. Shahrir Rizal Kasjoo**  
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik (Sehingga 14 September 2020)
- 3. **Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Firdaus Omar**  
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan (Sehingga 14 September 2020)
- 4. **Ts. Dr. Muhammad Juhairi Aziz Safar**  
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik (Sehingga 14 September 2020)
- 5. **Prof. Madya Dr. Farizul Hafiz Kasim**  
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses (Sehingga 14 September 2020)
- 6. **Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad**  
Pengarah, Pusat Libatsama Antarabangsa (Sehingga 14 September 2020)
- 7. **Prof. Madya Dr. Huzili Hussin**  
Dekan Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (Sehingga 14 September 2020)
- 8. **Prof. Madya Dr. Muhammad Zaini Ahmad**  
Dekan Institut Matematik Kejuruteraan (Sehingga 14 September 2020)
- 9. **Prof. Madya Ts. Dr. Shafriza Nisha Basah**  
Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (Sehingga 14 September 2020)
- 10. **Dr. Mahyun Ab Wahab**  
Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar (Sehingga 14 September 2020)
- 11. **Dr. Sharmini Abdullah**  
Dekan Pusat Bahasa Antarabangsa (Sehingga 14 September 2020)
- 12. **Dr. Faizul Che Pa**  
Pengarah Pusat Kokurikulum (Sehingga 14 September 2020)
- 13. **Pn. Saodah Hassan**  
Bendahari (Bersara pada 30 April 2020)
- 14. **Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Hussain**  
Penasihat Undang-undang (Meletak jawatan berkuatkuasa 1 Oktober 2020)

## KETUA JABATAN

1. **Prof. Emeritus Dato' Wira Dr. Mohd Salleh Hj. Din**  
Penolong Naib Canselor, Pusat Keusahawanan, Jaringan Industri & Masyarakat (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
2. **Prof. Dr. Harshita Aini Haroon**  
Penolong Naib Canselor, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
3. **Prof. Ir. Dr. Anuar Mat Safar**  
Ketua Pegawai Digital, Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (Pelantikan berkuatkuasa 9 Januari 2020)
4. **Prof. Madya Dr. Haziah Abdul Hamid**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
5. **Prof. Madya Ts. Dr. Azremi Abdullah Al Hadi**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
6. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Shukry Abdul Majid**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
7. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
8. **Dr. Afizah Ayob**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
9. **Prof. Madya Ku Halim Haji Ku Ariffin**  
Dekan, Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
10. **En. Zulfatah Dzulkarnain**  
Pengarah, Pejabat Audit Dalam (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
11. **Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Daud**  
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
12. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Khairuddin Md Arshad**  
Pengarah, Pusat Pengajian Siswazah (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
13. **Prof. Dr. Salleh Abd Rashid**  
Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari
14. **Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad**  
Pengarah, Pusat Libatsama Antarabangsa (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
15. **Prof. Madya Ts. Dr. Nasrul Hamidin**  
Pengarah, Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
16. **Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail**  
Pengarah, Jabatan Pembangunan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
17. **Prof. Ts. Dr. Mohd. Mustafa Al Bakri Abdullah**  
Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (Pelantikan berkuatkuasa 1 April 2020)
18. **Pn. Haslina Hassan Basri**  
Pengarah, Pusat Inovasi & Pengkomersialan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

19. **Prof. Ts. Dr. Uda Hashim**  
Pengarah, Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (Pelantikan berkuatkuasa 30 Mac 2020)
20. **Prof. Madya Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad**  
Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari (Pelantikan sehingga 14 September 2020)
21. **Prof. Ir. Ts. Dr. Abu Hassan Abdullah**  
Pengarah, Institut Agroteknologi Lestari (Pelantikan berkuatkuasa 15 September 2020)
22. **Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba**  
Pengarah, Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
23. **Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Hafiz Fazalul Rahiman**  
Pengarah, Penerbit UniMAP (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
24. **En. Norazam Abdul Rashid**  
Pengarah, Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekutaran Pekerjaan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
25. **Prof. Madya Ir. Dr. Muzammil Jusoh**  
Pengarah, Pusat Pembangunan & Perkhidmatan Pelajar (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
26. **Pn. Mashitoh Abu**  
Pengarah, Pusat Kebudayaan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
27. **En. Muhammad Adib Hassan**  
Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
28. **Pn. Wan Saniah Wan Yahya**  
Pengarah, Pusat Kaunseling (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
29. **En. Suhizaz Sudin**  
Pengarah, Pusat Sukan & Rekreasi (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
30. **Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan**  
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
31. **Dr. Mohd Zakimi Zakaria**  
Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
32. **Dr. Hirwan Jasbir Jaafar**  
Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
33. **Dr. Mahyun Ab Wahab**  
Menjalankan Fungsi Pengarah Pusat Perumahan Pelajar (Pelantikan berkuatkuasa 10 Oktober 2020)
34. **Cik Sharmila Saidin**  
Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)
35. **En. Mustaffa Ismail**  
Pengarah, Jabatan Keselamatan (Pelantikan berkuatkuasa 15 April 2020)

# STRUKTUR ORGANISASI

